

17 OCT 2003

Belia-Dakyah

BELIA DIINGAT AGAR HARGAI KECEMERLANGAN NEGARA

KUALA TERENGGANU, 17 Okt (Bernama) -- Generasi belia di negeri ini diingatkan agar menjauhkan diri daripada pihak tertentu yang cuba mempengaruhi mereka agar membenci kerajaan yang telah banyak berjasa kepada negara dan rakyat.

Pengerusi Majlis Belia Negeri Terengganu (MBNT), Datuk Wan Zakaria Abdul Rahman sebaliknya berkata golongan belia perlu sentiasa menyegarkan rasa syukur di atas nikmat kemajuan dan kemakmuran yang dicapai sejak negara mencapai kemerdekaan 46 tahun yang lalu.

"Ada pihak yang mahu menjadi pengacau dan meracuni pemikiran generasi muda agar membenci kerajaan dan kerana itu saya mahukan anda semua memisahkan diri daripada golongan itu.

"Tidak syak lagi, generasi belia cemerlang yang ada hari ini adalah hasil usaha kerajaan Barisan Nasional (BN)," katanya pada majlis Larian Gelombang Biru sempena 21 tahun MBNT di sini, hari ini.

Lebih 5,000 orang terdiri daripada anggota badan gabungan majlis itu, wakil agensi kerajaan dan swasta serta badan-badan bukan kerajaan menyertai larian berkenaan yang bertujuan meningkatkan semangat cintakan negara.

Wan Zakaria menambah, perubahan zaman yang berlaku hari ini juga sangat menuntut kepada usaha gigih dan komitmen yang tinggi daripada golongan belia agar mereka mampu bersaing dengan orang lain.

Menurut beliau jika golongan itu lemah, maka ia sudah tentu bakal menyumbang kepada kelemahan negara pada masa akan datang.

"Oleh itu, himpunan ini juga bagi merakamkan ucapan terima kasih warga belia di Terengganu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berjaya membangunkan negara sehingga muncul sebagai negara Islam contoh.

"Sewajarnya kita mengakui hakikat itu dan tidak mudah percaya dengan dakwah golongan yang kecewa menarik sokongan rakyat bagi memenuhi kepentingan politik sempit mereka," katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pegawai Khas kepada Timbalan Perdana Menteri di Terengganu, Datuk Che Mat Jusoh.

-- BERNAMA

AYB HIS PR